

NADI PEMIKIRAN PENDITA ZA'BA DALAM MEMARTABATKAN UMAT ISLAM PADA MASA KINI

Nor Syahidah Binti Zahar
Amiezah Binti Marisan
Nur Shuhada Binti Bukhari
Lina Najihah Binti Rahman
Nur Syazana Binti Zamri
Norlaili Maisarah Binti Mohd Afandi
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin
Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Namanya masyhur sebagai Pendeta Za'ba. Beliau adalah Zainal Abidin bin Ahmad (16 September 1895 – 23 Oktober 1973) merupakan satu nama besar dalam dunia pendidikan, politik, ekonomi dan bahasa. Sumbangan beliau sangat besar khususnya dalam bidang bahasa. Beliau banyak menulis berkaitan pelbagai isu masyarakat Melayu antaranya ialah 'Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri. Oleh itu, kertas kerja ini mengupas pemikiran Za'ba dalam membentuk jati diri sebenar orang Melayu. Walaupun idea dan pemikirannya dalam bidang tersebut berkait rapat dengan sikap orang-orang Melayu pada masa itu, namun masih relevan sehingga ke hari ini. Cadangan dan kritikan oleh Za'ba ke arah masyarakat memuji mereka untuk bersaing dan berjuang untuk memperbaiki kehidupan mereka. Hal ini menjadikan Za'ba seorang pemikir sangat hebat dan unik untuk di teladani oleh masyarakat masa kini.

Kata kunci: Nadi, pemikiran, pendita Za'ba, umat Islam, masa kini.

PENGENALAN

Za'ba merupakan salah seorang daripada tokoh pemikir Muslim Melayu pada akhir abad ke 13-19. Beliau merupakan seorang cendekiawan Muslim Melayu yang mempunyai keperibadian yang kuat dan tidak mudah terpedaya dengan dakwah luar terutama dari Barat. Za'ba merupakan anak murid seorang tokoh ulama iaitu Syaikh Muhammad Tahir Jalal al-Din al-Falaki yang terkenal dalam pemikiran pembaharuan (Islah atau reformasi) Islam di Mesir. Nama sebenarnya ialah Zainal Abidin bin Ahmad dilahirkan pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Seorang tokoh yang teruji, seorang sarjana pemikir dan pejuang yang berani melawan arus.

KONSEP PEMIKIRAN PENDITA ZA'BA

Menurut (Omar, 1986) pemikiran atau proses berfikir itu merujuk kepada kegiatan-kegiatan yang berlaku dalam otak kita apabila menghadapi sesuatu keadaan dan hasil dari pemikiran itu adalah fikiran. Kamus Dewan edisi ke-4 pula mendefinisikan pemikiran sebagai perihal berfikir iaitu memikirkan sesuatu. Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2000) mengambil pendapat Dewey (1933) iaitu pemikiran sebagai perilaku menyelesaikan masalah. Menurut Ainon lagi, konsep Dewey tentang pemikiran menekankan kemungkinan manusia mula berfikir sebagai daya usaha untuk menyesuaikan diri kepada persekitaran yang sukar. Maka, terdapat pelbagai aliran pemikiran seperti pemikiran analitikal, kritikal, reaktif, projekatif, kreatif dan banyak lagi. (Che Ibrahim Salleh).

Khusus untuk kita membicarakan tentang pemikiran tentang Islam dan Melayu. Pertama, Za'ba layak berbicara tentang masalah Melayu kerana beliau pemikir yang memiliki kompetensi keintelektualan dalam menguasai bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Kekuatan keilmuan yang memadai turut terlibat dalam pergerakan kebangkitan. Konsep Islah yang dibawa oleh Za'ba dalam pembaharuan dikatakan bertujuan “untuk membaiki segala hal-ehwal yang kekurangan, mengubah segala sifat keadaan yang buruk dengan yang baik, menggantikan segala hal manusia yang mundur dengan maju mengikut zaman, menggantikan segala jalan fikiran yang kuno dan kolot, segala kepercayaan yang lapuk dengan fikiran baru yang segar yang disaksikan benar melalui al-Qur'an yang bersendikan akal dan ilmu pengetahuan.” Menurutnyanya lagi, “Kita mahu pemulihan dan pembaharuan, bukan hendak berkokok pada jalan yang telah hanyut daripada tujuan asalnya dan bukannya hendak berdegil hendak menyimpan jalan fikiran lama yang telah membeku menjadi adat atau kepercayaan-kepercayaan lama yang sudah berkulat dan bercendawan.”

Sumbangan pemikiran Za'ba mengenai Islam dapat dilihat menerusi beberapa buah hasil karyanya seperti berikut: 1. Umbi kemajuan atau Falsafah takdir dalam Agama Islam (Sukatan Azali, Pulau Pinang, 1932 @ Falsafah takdir, ed. Hamdan Hassan, D.B.P, Kuala Lumpur, 1982. 2. Asohan Budi menerusi Islam, Kuala Lumpur, 1958. 3. Malay festivals and some aspects of Malay Religious Life, Singapore, 1949. 4. Pendapat-pendapat perbahasan ulama pada kejadian perubatan dan perusahaan hamba, (terj. Zaba), ed. al-Syaikh Muhammad Tahir Jalal al-Din, The Jelutong Press, Penang, 1353/1934. 5. Perangai Bergantung kepada Diri sendiri, DBP, Kuala Lumpur, 2009

Karya Za'ba iaitu Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri tidak diterbitkan ketika hayatnya kerana pandangan-pandangannya yang agak berat untuk diterima orang Melayu. Pelbagai tentangan daripada banyak pihak termasuk pihak istana dan bahkan para ulama dari kalangan Kaum Tua atau tradisional, yang mengetuai majoriti kaum muslimin terhadapnya kerana ideologi yang dibawa oleh Za'ba. (Wan Ali, 1996)

PANDANGAN ZA'BA TERHADAP SIKAP BANGSA MELAYU

Kata Za'ba “Orang Melayu meskipun sudah memeluk Islam selama 600 tahun yang lalu, tetapi mereka masih tetap berkelakuan seperti keadaan zaman sebelum mereka menganut agama Islam. Mereka masih percaya kepada perkara-perkara karut dan seolah-olah Islam tidak mampu menghilangkan unsur-unsur kepercayaan masa lampau daripada orang-orang Melayu” Tumpuan seterusnya dihalakan kepada isu taqlid buta sebagai lawan kepada ijtihad sendiri. Menurutnyanya, orang Melayu percaya kepada Islam tetapi bukannya percaya hakikat ajaran Islam menurut wahyu Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Pengajaran agama Islam orang Melayu rendah kerana

mereka tidak diajar pelajaran agama bersungguh-sungguh sejak kecil kerana mereka hanya diajar al-Qur'an dan sedikit Fardhu `Ain. Tahap pelajaran agama di kampung-kampung masih diliputi kepercayaan-kepercayaan bid'ah dan khurafat seperti kubur-kubur keramat, makam-makam wali dan lain-lain (Wan Ali, 1996) Sebab kemiskinan orang Melayu Za'ba dengan kritis dan tegasnya berani mengemukakan idea tanpa menghiraukan kedudukan golongan yang dikritiknya (Adnan Hj Nawang 1994). Walaupun nadanya agak tegas dan keras tetapi pandangan yang dibuat itu mungkin dipengaruhi oleh darah muda yang mengalir dalam dirinya dewasa itu. Za'ba melihat hal kemiskinan orang Melayu berpunca daripada pelbagai faktor iaitu :

1. faktor pemerintahan feodal iaitu sistem pemerintahan raja-raja Melayu yang tidak memberi faedah kepada orang Melayu sendiri bahkan memberi banyak kesusahan kepada orang Melayu kerana sikap raja-raja yang boros dan suka menyusahkan rakyat pada masa itu.

2. faktor geografi iaitu keadaan muka bumi Tanah Melayu yang subur dan iklim yang sesuai menyebabkan sumber makanan senang didapati, jadi orang Melayu tidak perlu bersusah-payah mencarinya.

3. faktor orang Melayu itu sendiri yang masih mengharap sokongan dan bantuan orang lain khususnya kerajaan untuk melakukan sesuatu dan tidak seperti bangsa lain yang berusaha atas kebolehan diri sendiri.

4. sikap golongan muda yang sering membuang masa dan leka dengan keduniaan tanpa memikirkan masa depan.

5. golongan tua yang terpesong akidah dengan kepercayaan bodoh dan ketakutan terhadap makhluk halus seperti hantu, syaitan dan jin. Usaha mengatasi kemiskinan Atas dasar keprihatinan dan keinsafan Za'ba terhadap masalah bangsa Melayu pada ketika itu, Za'ba menyatakan jalan penyelesaiannya untuk mengatasi masalah ini agar tidak menjadi parah sehingga boleh menjejaskan pembangunan masyarakat sejagat. Hal ini membuktikan bahawa pemikiran Za'ba telah melangkaui masanya. Namun idea yang diberikan itu sesuai diguna pakai bukan pada masa itu sahaja bahkan pada masa sekarang. Apa-apa jua kritikan terhadap bangsa Melayu kira-kira 70 tahun yang lalu sebenarnya tidak berubah sehingga sekarang, namun masyarakat Melayu khususnya sekarang ini tidak pernah ambil peduli tentang pandangan ini.

Antara pandangannya untuk mengatasi kemiskinan ini ialah;

1. Orang Melayu haruslah mempunyai kesedaran dalam diri dan mengubah sikap iaitu hendaklah yakin dan bergantung pada diri sendiri dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Hal ini ada dinyatakan oleh Zainal Abidin Ahmad (1982) "tiap-tiap seorang hendaklah menjalankan bahagiannya sendiri dengan tidak bergantung kepada orang akan menjalankannya, tidak berharap kepada pertolongan orang akan menyempurnakannya". Sikap beginilah yang akan membawa kepada ketinggian umat dan kemajuannya.

2. Orang Melayu hendaklah menukarkan segala bentuk dan corak dan pemikiran kuno dan kolot kepada fikiran baru yang segar dan bersendikan Al-Quran, akal dan ilmu pengetahuan. Za'ba menegaskan bahawa orang Melayu khususnya umat Islam harus kembali kepada ajaran agama yang sebenar iaitu Islam dalam melaksanakan apaapa jua tindakan seperti yang diungkapkan dalam bukunya "Mencapai Keluhuran Budi" (1989) iaitu "tujuan agama ialah supaya manusia berkelakuan baik dan menjalankan kehidupan yang betul; kemudian maka daripada kehidupan berhasillah buahnya, iaitu keredaan dan nikmat selamat".

3. Umat Islam haruslah memberatkan ilmu pengetahuan iaitu menguasai pelbagai cabang ilmu untuk maju dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perniagaan dan pentadbiran supaya dapat menandingi bangsa lain yang maju.

4. Orang Melayu hendaklah mempunyai sifat baik seperti berhemah tinggi, tulus hati, amanah dan kesungguhan cita-cita. Jadi hal ini juga tidak boleh lari daripada nilai beragama untuk mencapai tahap kemajuan yang sepatutnya dan selari dengan tuntutan agama. (Che Ibrahim Salleh, 2014)

Aspek positif mengenai Za'ba yang perlu diperhatikan dengan adil dan saksama adalah pandangan dan sikapnya bukan sahaja dibentangkan dalam bentuk tulisan bahkan saranan untuk mengatasinya juga. Lazimnya, kebanyakan orang suka mengkritik dalam bentuk menjatuh dan menghina, dan tidak ramai yang bersedia memberikan jalan keluar dan penyelesaian kepada masalah. Za'ba dalam hal ini bersikap praktikal. Beliau bukan sahaja menyatakan sikap tidak bersetuju pada prinsipnya, bahkan diikuti dengan tulisan dan tindakan. Dengan kata-kata lain, beliau menjiwai konsep Iman yang dibahaskan dalam karyanya, "Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri" pada teori dan praktik ataupun ideal dan realitinya secara serentak. Saranan dan cadangan beliau adalah seperti berikut:

- Nabi (s.`a.w) menyuruh kaum muslimin termasuklah orang Melayu berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, bukan kepada kitab-kitab karangan ulama, fahaman atau pemahaman ulama dengan tanpa diperiksa dan dibandingkan kepada asalnya.
- Keputusan-keputusan para imam mujtahidin perlu diperiksa dengan alasan dan hujah sebelum diterima.
- Orang-orang alim perlu pergi terus kepada al-Qur'an dan al-Hadith seperti orang-orang alim terdahulu. Mereka tidak boleh berhenti berusaha menambah, memperdalam dan meluaskan ilmu.
- Kitab-kitab dan tafsiran al-Qur'an dan al-Hadith serta syarahnya hendaklah dijadikan panduan.
- Pendapat-pendapat ulama terdahulu yang benar hendaklah diterima dan yang salah ditolak..

KESIMPULAN

Pemikiran Za'ba adalah suatu pemikiran yang sangat ideal walaupun ada masanya idea dan pemikirannya itu tidak terjangkau oleh penilaian masyarakat Melayu pada masa itu. Ideanya itu sebenarnya melangkaui masanya dan perkara itu sukar diterima masyarakat Melayu khususnya pada masa itu. Pemikirannya itu memberi seribu satu makna yang amat mendalam untuk ditafsirkan oleh sebilangan masyarakat yang cerdik pandai sehinggalah ke hari ini. Pemikiran Za'ba terlalu proaktif sehinggakan tidak dapat diterima oleh sebilangan masyarakat yang masih berfikiran konservatif seperti mana yang dikatakan oleh Za'ba iaitu miskin dari segi ilmu pengetahuan. Walaupun agak pedih untuk diterima, hakikatnya perkara ini juga masih berlaku walaupun pada zaman moden ini. Pembinaan jati diri harus bertitik tolak daripada perubahan sikap. Perkara ini yang amat ditekankan oleh Za'ba iaitu perubahan sikap dalam bidang agama, pendidikan, bahasa, ekonomi dan jua cara hidup. Sekiranya kita seolah-olah sudah selesai dengan apa yang kita miliki, perubahan sikap tidak akan berlaku.

RUJUKAN

- 2000., A. M. (2000). *Kursus Berfikir Untuk Kolej dan Universiti*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Che Ibrahim Salleh, S. Z. (2014). Pemikiran Za'ba dalam Membentuk Jati Diri Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 21-29.

- Omar, A. H. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ali, W. Z. (1996). *100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.